

# Bot Vietnam ceroboh perairan negara dilupus

BH 21/10/2022

ms.: 16

**Kuala Terengganu:** Agensi Penguatuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) melupuskan sebuah bot nelayan Vietnam yang dilucut hak atas kesalahan mence-roboh dan menangkap ikan di pera-iran negara.

Timbalan Pengarah Operasi Maritim Terengganu, Komander Maritim Ariffin Ghazali, berkata pelupusan dengan kaedah hancur musnah itu dilaksanakan berikutan bot berkenaan tidak sesuai dijadikan tukun tiruan.

Beliau berkata, bot dilupuskan itu ditahan pada kedudukan 112 batu nautika dari Kuala Terengganu pada 17 Julai 2021 bersama dua kru kerana mence-roboh perairan dan mencandat

sotong tanpa kebenaran.

“Tindakan pelupusan diambil ke atas bot nelayan asing warga Vietnam yang menceroboh perai-iran negara mengikut Seksyen 15(1) (a) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Ma-laysia,” katanya dalam kenyataan, di sini.

Ariffin berkata, setakat tahun ini, 21 vesel dilupuskan dengan cara penenggelaman untuk dijadi-kan tukun dan hancur musnah.

Katanya, Maritim Malaysia sentiasa tegas melaksanakan un-dang-undang di perairan Tereng-ganu khususnya memastikan sum-ber perikanan dapat dilindungi dan kedaulatan negara terpelihara.